

**MODUL MATEMATIK  
TAHUN 6**

TARIKH/HARI : 27.10.2021 / Rabu  
TAJUK : Pecahan (ulangkaji)

STANDARD KANDUNGAN : (ulangkaji)

STANDARD PEMBELAJARAN : ulangkaji

STANDARD PRESTASI : -

OBJEKTIF : Murid dapat menyelesaikan masalah harian melibatkan pecahan wajar yang penyebutnya hingga 10 dengan nombor bulat dengan betul.

Gunakan Buku Modul Diamond muka surat 29 atau buku latihan. Jangan cetak soalan.

Contoh

Alang ada 90 biji guli.  $\frac{1}{3}$  daripadanya berwarna merah. 20 biji berwarna biru dan selebihnya berwarna hijau. Hitung bilangan guli yang berwarna hijau?

**1. Kumpul maklumat**

Jumlah keseluruhan guli = 90 biji  
Jumlah guli merah =  $\frac{1}{3} \times 90$   
Jumlah guli biru = 20 biji  
Jumlah guli hijau = ?

**2. Pengiraan**

$$\begin{aligned} \text{Jumlah guli merah} &= \frac{1}{3} \times 90 \\ &= \frac{90}{3} \\ &= 30 \end{aligned}$$

**1. Pengiraan**

Jumlah guli hijau  
 $90 - 30 - 20 = 40$  biji

Jawab semua soalan. Jawapan hendaklah ditulis dengan jelas. Tunjukkan langkah-langkah pengiraan.

52. Intan membeli 80 biji telur.  $\frac{3}{4}$  daripadanya digunakan untuk membuat 6 biji kek. Hitung bilangan telur yang diperlukan untuk membuat 9 biji kek yang sama ?

54. Jumlah guli dalam sebuah bekas ialah 200 biji.  $\frac{1}{2}$  daripada guli itu berwarna biru, 60 berwarna merah dan selebihnya berwarna kuning. Nyatakan dalam pecahan, bilangan guli yang berwarna kuning daripada jumlah guli dalam bekas itu.

|  |  |
|--|--|
|  |  |
|  |  |

53. Roshila ada 60 biji bola.  $\frac{2}{5}$  daripada bola itu berwarna kuning. 16 biji berwarna biru dan yang selebihnya berwarna merah. Hitung bilangan bola yang berwarna merah ?

55. Zubaidah ada 160 biji guli.  $\frac{1}{8}$  daripada semua guli itu berwarna kuning. Bakinya berwarna hitam, merah, biru dan hijau yang sama bilangannya. Berapakah jumlah guli yang berwarna hitam, merah dan Biru ?